

01/10/1998

Semarakkan semangat Jalur Gemilang

Nik Yahya Ab Rahman

BENDERA kebangsaan, lagu kebangsaan dan jata (lambang kebesaran negeri atau negara) negara adalah identiti negara. Ia menyingkap pelbagai rahsia dan simbol semangat kenegaraan, patriotik dan perjuangan kemerdekaan rakyat negara ini. Bendera Malaysia adalah mercu tanda kemegahan rakyat negara ini yang dikibarkan secara rasmi sebagai lambang kelahiran Malaysia pada 16 September 1963. Bendera itu sebenarnya berasal daripada bendera Persekutuan Tanah Melayu.

Selepas 34 tahun berkibar megah, bendera hasil lakaran arkitek kerajaan Johor, Mohamad Hamah yang terpilih daripada 373 penyertaan memenangi pertandingan melukis bendera anjuran Majlis Perundangan Persekutuan pada 1949, di atas perkenan Majlis Raja-Raja Melayu telah mempunyai nama yang begitu simbiotik, iaitu Jalur Gemilang.

Jalur Gemilang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di hadapan kira-kira 10,000 rakyat Malaysia yang berhimpun di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur pada jam 11.59 malam 30 Ogos 1997 iaitu seminit lebih awal sebelum melancarkan sambutan Hari Kebangsaan ke-40.

Perisytiharan nama rasmi bendera itu menamatkan teka-teki terhadap nama yang bakal menjadi suatu lagi sejarah kebanggaan negara. Ketika mengumumkan nama bendera itu, Dr Mahathir membaca perisytiharan: "Dengan detik yang bersejarah ini, saya dengan lafaz Bismillah mengisytiharkan nama bendera Malaysia, Jalur Gemilang.

Sebenarnya, sebanyak 42 nama diberikan bagi menamakan bendera Malaysia tetapi jawatankuasa yang dipengerusikan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali, memilih Jalur Gemilang. Pemilihan ungkapan berkenaan amat tepat dengan citarasa, semangat juang dan wawasan rakyat negara yang mencapai kemerdekaan 41 tahun yang lalu.

Jika negara jiran, Indonesia begitu berbangga dengan benderanya, Sang Saka Merah Putih, Amerika Syarikat (Star Spangled Banner) dan United Kingdom (Union Jack), negara kita juga tidak mahu terkebelakang dan memerlukan bendera itu diberi ungkapan yang sesuai.

Kempen kibarkan dan cintakan bendera yang dilancarkan tahun lalu oleh Dr Mahathir mendapat sambutan hangat rakyat. Ia kemudian dilaksanakan pada peringkat negeri, jabatan, agensi kerajaan, pihak swasta dan badan bukan kerajaan (NGOs') menjadikan bendera itu berkibar megah di merata tempat. Kita boleh melihat Jalur Gemilang berkibar pada banyak kenderaan, premis perniagaan, rumah, bangunan pejabat, di tempat awam, taman permainan, sekolah, pusat pengajian tinggi dan rumah ibadat.

Kempen kibarkan bendera sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-41 tahun ini diadakan di peringkat kebangsaan, negeri dan majlis tempatan. Dr Mahathir tidak terkecuali apabila beliau sendiri dengan bangganya menyerahkan Jalur Gemilang kepada Chef-de-Mission Malaysia ke Kuala Lumpur '98-Sukan Komanwel XVI (KL '98), Datuk Khalid Yunus pada 12 Ogos lalu di Kompleks Sukan Negara di Bukit Jaill, Kuala Lumpur di hadapan ribuan atlit dan sukarelawan. Sayugia jalur gemilang berkibar megah sepanjang KL '98 yang berakhir 21 September lalu yang memantulkan nama negara di persada sukan antarabangsa. Acara sukan yang paling gemilang dalam sejarahnya itu juga menerjah prestasi terbaik Malaysia dengan menduduki tangga keempat meraih 10 emas, 14 perak dan 12 gangsa.

Mengimbas kembali, apakah makna dan pengertian Jalur Gemilang? Ia adalah suatu usaha murni yang dilakukan kerajaan supaya rakyat sentiasa cintakan bendera itu. Mungkin ada antara kita yang sudah melupainya. Sebenarnya

reka lakaran asal bendera negara mengandungi 11 jalur merah putih dengan bulan dan bintang berwarna kuning pada bahagian kiri.

Namun, reka bentuk berkenaan dipinda sedikit dengan perkenan Majlis Raja-raja pada 22 dan 23 Februari 1950.

Bendera itu akhirnya dikibarkan buat pertama kalinya pada suatu upacara gilang gemilang di pekarangan istana Sultan Selangor selepas mendapat persetujuan King George VI pada 19 Mei 1950. Kemudian, selepas pembentukan Malaysia 1963, Majlis Raja-Raja memperkenankan reka bentuk Bendera Tanah Melayu sebagai bendera rasmi negara dengan pengubahsuaian pada bilangan jalur dan bintang pecah daripada 11 kepada 14. Bilangan 14 jalur berkenaan melambangkan sebanyak 14 negeri di dalam Malaysia, termasuk Singapura. Biar pun pada 9 Ogos 1965, Singapura keluar daripada Malaysia, jalur itu masih dikekalkan yang akhirnya pembentukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan mengisi bilangan berkenaan.

Warna kuning pada anak bulan dan bintang melambangkan warna bagi Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja, warna biru tua melambangkan perpaduan rakyat Malaysia, anak bulan melambangkan agama Islam sebagai agama rasmi Malaysia, bintang pecah 14 menunjukkan perpaduan kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan, warna merah melambangkan keberanian dan warna putih melambangkan kesucian.

Sesungguhnya, selepas kita menghayati lambang dan warna pada Jalur Gemilang bersesuaian dengan usia negara yang mencecah 41 tahun, tentunya menggigit nostalgia yang penuh trajis bagaimana pemimpin dan pejuang tanah air memerdekakan Persekutuan Tanah Melayu daripada belunggu penjajah Inggeris. Pelbagai pengalaman pahit maung, suka duka dan kejayaan demi kejayaan sudah rakyat lalui bersama-sama pucuk kepemimpinan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, Allahyarham Tun Hussein Onn dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dengan menghayati bendera, lagu kebangsaan dan jata negara akan menyemarakkan semangat kecintaan kita kepada negara. Semangat berkenaan perlu sentiasa tertanam pada jiwa setiap warga negara di peringkat akar umbi, tidak kira di mana kita berada. Sesungguhnya, negara mengharapkan rakyat untuk memberikan sokongan kepada pucuk kepemimpinan negara di dalam menghadapi pelbagai kemelut dan ancaman daripada dalam dan luar negara.

(END)